



- 1. PEGAWAI MELESEN PERIKANAN  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 01**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah satu kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 selama tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 selama tidak kurang dari 4 tahun.

2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam alat-alat penangkapan ikan / cara-cara penangkapan ikan / jenis-jenis ikan dan perusahaan-perusahaan perikanan yang lainnya adalah merupakan kelebihan.
4. Pernah mengikuti kursus-kursus dalam bidang perikanan di luar negeri adalah kelebihan.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI MELESEN PERIKANAN:**

1. Bertanggungjawab dalam memastikan akta-akta perikanan dan peraturan-peraturan perikanan dipatuhi oleh semua pihak yang berkecimpung di dalam industri perikanan.
2. Bertanggungjawab dalam pengeluaran lesen-lesen alat menangkap ikan dan permit/lesen-lesen bagi mengimport/mengeksport hasil perikanan serta mengutip bayaran untuk lesen /permit tersebut.
3. Melaksanakan kerja-kerja operasi rondaan darat dan laut serta menyediakan laporan operasi rondaan tersebut.
4. Melaksanakan kerja-kerja pemantauan dan pengawasan di pos-pos kawalan dan tempat penurunan dan penaikan perahu di seluruh Daerah Negara Brunei Darussalam.
5. Membantu dalam kerja-kerja penyiasatan dan menyelesaikan kes-kes kesalahan perikanan yang berkaitan.
6. Menerima dan melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasan yang lain dari semasa ke semasa.